

KESAN MEMBACA TERHADAP TAHAP EMOSI MAHASISWA/I KUIS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Marziana binti Abdul Majid
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
marziana@kuis.edu.my

Zurina binti Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
zurinaabdullah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sama ada aktiviti membaca dapat melegakan emosi para mahasiswa/i Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang berada di kolej kediaman sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah bermula sejak 18 Mac 2020. Tempoh masa yang diambil melibatkan PKP Fasa 1 hingga Fasa 3. Kajian yang bersifat kuantitatif ini dilakukan menggunakan borang soal selidik. Seramai 54 orang responden telah menjawab soal selidik yang terdiri daripada pelbagai bidang pengajian. Responden yang terlibat merupakan para pelajar yang terkandas di KUIS disebabkan PKP dan ada antara mereka yang perlu menghadapi peperiksaan akhir secara dalam talian. Dapatan menunjukkan aktiviti membaca ternyata dapat memberi kesan positif dalam menguruskan emosi mereka. Responden bersetuju bahawa aktiviti membaca dapat menghilangkan kebosanan mereka sepanjang berada di kolej kediaman, tidak membuatkan mereka berasa tersisih dan mendidik mereka untuk melakukan aktiviti yang lebih berfaedah.

Kata kunci: kesan membaca, perintah kawalan pergerakan, mahasiswa/i KUIS, soal selidik.

PENDAHULUAN

Wabak Covid-19 telah mula menyerang seluruh dunia sejak akhir tahun 2019 sehinggalah kini. Ia telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (WHO) kerana serangan hebat wabak ini ke seluruh dunia mengakibatkan kematian dalam jumlah yang besar. Wabak ini tersebar melalui rangkaian antara satu manusia dengan manusia yang lain dalam jarak dekat dan kurang satu meter sama ada melalui sentuhan, duduk bersebelahan, bersin dan sentuhan ke atas barangan yang telah disentuh oleh pesakit yang telah dijangkiti wabak ini.

Malaysia merupakan antara negara terawal yang telah mengambil tindakan proaktif dalam mengekang penularan wabak ini. Kerajaan Malaysia telah melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 selama 14 hari. Dalam tempoh PKP ini, hampir kesemua organisasi terpaksa ditutup termasuklah Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Penutupan organisasi adalah untuk mengurangkan masyarakat keluar rumah. Usaha ini dapat memutuskan rangkaian penyebaran wabak Covid-19. Penularan wabak Covid-19 ini tidak menghalang segala aktiviti manusia. Aktiviti harian masih boleh diteruskan namun perlu mengikut tatacara yang telah

ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Namun, keterbatasan ini memberi impak yang besar kepada ekonomi masyarakat seterusnya memberi cabaran ke atas pengurusan emosi.

Cabaran ekonomi bermula apabila kerajaan Malaysia mengumumkan arahan PKP dengan menutup sebahagian besar organisasi dan memperkenalkan konsep bekerja dari rumah. Tidak semua pekerjaan sesuai untuk dilaksanakan di rumah seperti produksi kilang, pembersihan dan pengawal keselamatan. Disebabkan arahan PKP ini, banyak organisasi terpaksa memberhentikan pekerja untuk meminimumkan saiz organisasi lantaran tiada keperluan terhadap kakitangan. Kehilangan pekerjaan memberi tamparan hebat kepada masyarakat. Lanjutan dari masalah ekonomi, ia memberi impak besar ke atas emosi masyarakat. Masalah kewangan menjadi punca terjadinya pergaduhan dalam rumah tangga, kerosakan akhlak dengan melakukan aktiviti tidak bermoral seperti mencuri dan merompak.

Menurut kajian Elena,et.al (2018), membaca mempunyai pengaruh terhadap emosi. Apabila kita membaca buku berkisah agama, hati akan terasa ingin mendekati diri kepada Tuhan, membaca buku motivasi dapat meningkatkan semangat dan lonjakan kekuatan dalaman untuk mencapai kejayaan, membaca buku akademik memberi banyak fakta yang tidak diketahui sebelum ini dan begitulah jika kita membaca bahan bacaan yang lain. Membaca dapat mengalih fokus kita kepada suatu penyelesaian masalah dan tidak hanya tertumpu kepada masalah yang dihadapi. Mereka yang kurang membaca sering kali melakukan perkara-perkara yang memakan diri sendiri dek kerana tiada panduan dalam mencari penyelesaian masalah (Duval et al., 2018). Maka, aktiviti membaca bukan sahaja dapat membantu mengurus emosi malah ia memberi keupayaan *interpersonal*, keupayaan *intrapersonal* dan pengurusan tekanan. (Jiménez et al., 2019) (Ghabanchi & Rastegar, 2014).

Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) ketika pengumuman arahan PKP oleh kerajaan Malaysia, KUIS sedang menjalankan peperiksaan akhir semester. Oleh sebab itu, terdapat sebahagian pelajar yang tidak sempat pulang ke rumah keluarga masing-masing disebabkan tidak berkesempatan membeli tiket pulang dalam tempoh kecemasan dan mereka juga perlu menghadapi peperiksaan akhir secara online. Oleh yang demikian, mereka terpaksa menetap di kolej kediaman. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar tersebut bagi mengenal pasti kesan membaca terhadap emosi mahasiswa sepanjang menjalani tempoh PKP di kolej kediaman.

OBJEKTIF

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu:

- 1) Mengetahui kesan membaca terhadap emosi mahasiswa/i.
- 2) Mengetahui sejauh mana membaca dapat memberi kesan emosi positif kepada mahasiswa/i.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat kuantitatif dan menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Borang kaji selidik ini dibangunkan melalui Google Form dan diedarkan kepada responden. Soalan kaji selidik tersebut mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden) dan Bahagian B (Kesan Membaca Terhadap Emosi Responden). Soalan di Bahagian A adalah bersifat

tertutup dan hanya memerlukan responden memilih pilihan jawapan yang disenaraikan manakala soalan di Bahagian B adalah berbentuk Skala Likert 4 iaitu skala 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Setuju dan 4=Sangat Setuju.

DAPATAN KAJIAN

a. Demografi Responden

Bahagian ini menunjukkan latar belakang responden yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Jadual 1 menunjukkan taburan pelajar perempuan mendominasi sebagai responden iaitu sebanyak 34 orang (63%) manakala hanya 20 orang pelajar lelaki (37%) sahaja yang menjawab soal selidik ini.

Jadual 1: Jantina

Jantina	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Lelaki	20	37
Perempuan	34	63

Jadual 2 menunjukkan taburan umur responden. Responden dalam lingkungan umur 21 hingga 23 tahun merupakan golongan majoriti dalam soal selidik ini iaitu seramai 40 orang (74.1%) manakala responden dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun seramai 8 orang (14.8%) dan responden lingkungan umur 25 hingga 27 tahun hanya seramai 6 orang (11.1%).

Jadual 2: Umur

Umur	Kekerapan (N)	Peratus (%)
18 – 20 tahun	8	14.8
21 – 23 tahun	40	74.1
25 – 27 tahun	6	11.1

Jadual 3 menunjukkan taburan semester pengajian bagi responden. Majoriti responden yang menjawab soalan kaji selidik ini adalah pelajar Semester 3 iaitu seramai 13 orang (24.1%) disusuli oleh pelajar Semester 6 seramai 9 orang (16.7%). Seterusnya pelajar Semester 4 seramai 8 orang (14.8%), Semester 5 seramai 7 orang (13%) dan Semester 7 juga seramai 7 orang (13%). Responden dari Semester 1 seramai 2 orang (3.7%) dan Semester 8 hanya seorang sahaja (1.9%). Tiada pelajar dari Semester 2 yang terlibat dengan kaji selidik ini.

Jadual 3: Semester Pengajian

Semester	Kekerapan (N)	Peratus (%)
1	2	3.7
2	0	0
3	13	24.1

Semester	Kekerapan (N)	Peratus (%)
4	8	14.8
5	7	13
6	9	16.7
7	7	13
8	1	1.9

Jadual 4 menunjukkan negeri asal responden iaitu tempat tinggal keluarga mereka. Majoriti responden adalah dari negeri Sabah iaitu seramai 16 orang (29.6%) diikuti responden dari Kelantan seramai 10 orang (18.5%). Responden dari lain-lain negeri juga turut mengambil bahagian dalam soal selidik ini.

Jadual 4: Negeri Asal

Negeri	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Perak	4	7.4
Kedah	6	11.1
Johor	2	3.7
Melaka	1	1.9
Terengganu	2	3.7
Pahang	3	5.6
Kelantan	10	18.5
Selangor	5	9.3
Sabah	16	29.6
Sarawak	5	9.3

b. Kesan Membaca Terhadap Emosi Responden

Bahagian ini adalah untuk melihat kesan aktiviti membaca terhadap emosi responden sepanjang menjalani arahan PKP. Soalan yang dikemukakan di bahagian ini adalah berbentuk Skala Likert 4 iaitu 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Setuju dan 4=Sangat Setuju. Namun, taburan di dalam jadual berikut menyimpulkan skala 1 dan 2 sebagai tidak setuju manakala skala 4 dan 5 adalah setuju.

Soalan 1: Aktiviti membaca dapat mengurangkan kebosanan di kolej kediaman sepanjang PKP

Jadual 5 menunjukkan majoriti responden seramai 46 orang responden (85.2%) bersetuju bahawa aktiviti membaca dapat mengurangkan kebosanan ketika berada di kolej kediaman sepanjang PKP walaupun berjauhan dari keluarga. Hanya 8 orang responden (14.8%) tidak menganggap aktiviti membaca dapat mengurangkan kebosanan mereka.

Jadual 5: Analisis Terhadap Soalan Tentang Membaca Dapat Mengurangkan Kebosanan di Kolej Kediaman Sepanjang PKP

Membaca Dapat Mengurangkan Kebosanan di Kolej Kediaman Sepanjang PKP	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Setuju	46	84.9
Tidak bersetuju	8	14.9

Soalan 2: Aktiviti membaca dapat membuatkan saya berada dalam situasi semasa dan tidak berasa tersisih.

Jadual 6 menunjukkan majoriti responden seramai 45 orang (83.3%) bersetuju bahawa dengan adanya aktiviti membaca, ia membolehkan responden mengetahui perkembangan semasa dan tidak berasa tersisih dari mendapatkan sumber maklumat terkini. Namun seramai 9 orang (16.7%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 6: Analisis Terhadap Soalan Tentang Aktiviti Membaca Dapat Membuatkan Responden Berada Dalam Situasi Semasa dan Tidak Tersisih

Aktiviti Membaca Dapat Membuatkan Responden Berada Dalam Situasi Semasa dan Tidak Tersisih	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Setuju	45	83.3
Tidak bersetuju	9	16.7

Soalan 3: Saya dapat mengurus emosi dengan lebih baik kerana hasil pembacaan mendidik saya kepada perkara yang lebih bermanfaat.

Jadual 7 memaparkan majoriti seramai 49 orang responden (90.7%) bersetuju bahawa aktiviti membaca sepanjang PKP dapat membantu mengurus emosi mereka dengan lebih baik kerana hasil maklumat yang diperolehi selepas membaca dapat membimbing responden kepada perkara yang lebih bermanfaat.

Jadual 7: Analisis Terhadap Soalan Tentang dapat mengurus emosi dengan lebih baik kerana hasil pembacaan mendidik saya kepada perkara yang lebih bermanfaat.

Aktiviti membaca dapat mengurus emosi dengan lebih baik kerana hasil pembacaan mendidik saya kepada perkara yang lebih bermanfaat	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Setuju	49	90.7
Tidak bersetuju	5	9.3

Soalan 4: Saya berasa letih dan berputus asa akibat tekanan perasaan apabila membaca.

Jadual 8 menunjukkan majoriti responden seramai 41 orang (75.9%) tidak bersetuju bahawa aktiviti membaca memberi tekanan sehingga menimbulkan rasa letih dan putus asa. Hanya 13 orang responden (24.1%) sahaja yang bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 8: Analisis Terhadap Soalan Saya Berasa Letih dan Berputus Asa Akibat Tekanan Perasaan Apabila Membaca

Saya Berasa Letih dan Berputus Asa Akibat Tekanan Perasaan Apabila Membaca	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Setuju	13	24.1
Tidak bersetuju	41	75.9

Soalan 5: Saya dapat menyumbang sesuatu yang bermanfaat dengan membaca dalam tempoh PKP

Jadual 9 menunjukkan majoriti responden seramai 46 orang (85.2%) bersetuju melalui aktiviti membaca, mereka dapat menyumbang sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat. Hanya 8 orang responden (11%) sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Jadual 9: Analisis Terhadap Soalan Saya Dapat Menyumbang Sesuatu Yang Bermanfaat Dengan Membaca Dalam Tempoh PKP

Saya Dapat Menyumbang Sesuatu Yang Bermanfaat Dengan Membaca Dalam Tempoh PKP	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Setuju	46	85.2
Tidak bersetuju	8	14.8

Soalan 6: Tempoh PKP ini dapat memberi peluang kepada saya untuk membaca buku yang tidak sempat dibaca sebelum ini.

Jadual 10 memaparkan majoriti seramai 43 orang responden (79.6%) bersetuju bahawa tempoh PKP ini dapat memberi mereka peluang untuk membaca buku yang tidak sempat dibaca lantaran kesibukan dengan kuliah, tugas dan pelbagai aktiviti di kampus. Namun terdapat 11 orang responden (11.4%) tidak merasakan tempoh PKP ini merupakan peluang bagi mereka untuk membaca buku yang tidak sempat dibaca sebelum ini.

Jadual 10: Analisis Terhadap Soalan Tempoh PKP ini dapat memberi peluang kepada saya untuk membaca buku yang tidak sempat dibaca sebelum ini

Tempoh PKP ini dapat memberi peluang kepada saya untuk membaca buku yang tidak sempat dibaca sebelum ini	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Setuju	43	79.6
Tidak bersetuju	11	20.4

KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 merupakan wabak yang sedang menyerang seluruh masyarakat dunia. Ia memberi kesan yang besar ke atas pelbagai sektor seperti ekonomi, pendidikan dan perindustrian. Banyak operasi organisasi terpaksa dikurangkan bagi mematuhi arahan PKP. Natijahnya banyak pekerja terpaksa diberhentikan ekoran tiada keperluan bagi organisasi memerlukan ramai pekerja ekoran keterbatasan dalam mematuhi arahan PKP malah tugas mereka tidak sesuai dilakukan di rumah seperti kakitangan yang bekerja di kilang-kilang. Ini mencetuskan kegusaran di kalangan masyarakat sehingga mengganggu emosi mereka. Kesan emosi yang terjejas ini boleh mencetuskan pelbagai masalah besar yang tidak terduga seperti bunuh diri dan sebagainya. Oleh yang demikian, masyarakat disarankan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti berfaedah bagi mengurus emosi agar ia terpandu ke arah yang stabil dan baik. Salah satu aktiviti yang boleh dilakukan adalah membaca.

Pandemik Covid-19 bukanlah penghalang segala aktiviti harian manusia. Aktiviti membaca masih boleh diteruskan malah ia tidak melibatkan kos yang tinggi terutama pada zaman teknologi kini, segala maklumat boleh dicapai melalui hujung jari iaitu secara atas talian seperti surat khabar online, media sosial dan buku elektronik. Aktiviti membaca adalah penting bagi melahirkan masyarakat yang bermaklumat dan berilmu. Orang yang berilmu mampu mengurus emosi dengan baik lantaran ilmu yang dimiliki itu memandu mereka ke arah yang positif dalam menyelesaikan sesuatu.

Hasil kajian yang dijalankan ke atas responden yang menetap di kolej kediaman sepanjang PKP jelas menunjukkan aktiviti membaca memberi pengaruh positif ke atas emosi manusia walau dalam situasi yang tidak diinginkan seperti pandemik Covid-19. Bahan bacaan tidak semestinya berbentuk ilmiah asalkan sahaja ia dapat membantu pembaca untuk mengurus emosi dengan cara yang baik dan positif. Pemilihan bahan bacaan adalah bergantung kepada minat pembaca apatah lagi ketika kajian ini dijalankan, peperiksaan akhir semester hampir tamat. Responden mempunyai ruang masa yang banyak untuk membaca bahan bacaan santai tanpa terikat dengan tugas akademik. Didapati kesan membaca bukan sahaja memberi maklumat terkini kepada pembaca, malah pembaca tidak berasa terasing dan disisihkan. Mereka dapat mengikuti perkembangan terkini dan boleh berkongsi maklumat bersama rakan lain malah mereka boleh mengambil langkah berjaga-jaga bagi memelihara diri dari wabak Covid-19 ini.

RUJUKAN

- Duval, R., Moretti, et.al. (2018). An investigation of the effectiveness of TWA on reading comprehension of students with and atrisk for emotional and behavioral disorders. *Revemat: Revista Eletrônica de Educação Matemática*, 13(1), 1689–1699.
- Ghabanchi, Z., & Rastegar, R. (2014). The correlation of IQ and emotional intelligence with reading comprehension. *Reading Matrix: An International Online Journal*, 14(2), 135–144. <http://proxy1.ncu.edu/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=ehh&AN=99810568&site=eds-live>
- Jiménez, E. del P., et.al. (2019). Reading Intervention: Correlation Between Emotional Intelligence and Reading Competence in High School Students. *Revista de Psicodidáctica (English Ed.)*, 24(1), 24–30. <https://doi.org/10.1016/j.psicoe.2018.10.001>